



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	7/4/2011

Lee yakin kepemimpinan Najib

Presiden Korea Selatan nilai berdasar pertumbuhan positif ekonomi Malaysia

Khirul Bahri
Basaruddin
diSeoul



PRESIDEN Korea Selatan, Lee Myung-bak yang pernah terbabit dalam pembinaan Jambatan Pulau Pinang pada 1985, yakin kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak boleh merealisasikan impian Wawasan 2020 yang hanya tinggal sembilan tahun lagi.

Beliau yang menjadi pengarah urusan Hyundai ketika syarikat itu dipilih membina jambatan sepanjang 13.5 kilometer itu, membuat penilaian berkenaan berdasar kepada pencapaian positif pertumbuhan ekonomi Malaysia.

"Perdana Menteri Najib berjaya memacu ekonomi Malaysia dengan pertumbuhan 7.2 peratus walaupun pada tahun lalu ekonomi global menghadapi krisis besar," katanya ketika berucap pada majlis jamuan makan malam merayakan Najib dan rombongan Malaysia di Ru-

mah Biru, kediaman rasmi Presiden Korea Selatan, malam kelmarin.

Turut hadir, isteri Presiden Korea Selatan, Kim Yoon-ok dan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Lee turut memuji gagasan Malaysia yang ilhamkan Najib sebaik saja beliau dilantik sebagai Perdana Menteri pada April 2009.

Katanya, pendekatan Najib yang mementingkan kebajikan rakyat menunjukkan beliau seorang Perdana Menteri berjiwa rakyat selain mengambil kira kepentingan semua kaum di Malaysia.

Lee yang tidak asing kepada perkembangan di Malaysia, juga memandangi tinggi kepada usaha Tun Abdul Razak menjalinkan hubungan diplomatik dengan negaranya pada 1962.

Katanya, kedatangan Perdana Menteri Kedua Malaysia itu ke negaranya pada tahun berkenaan menjadi titik permulaan perhubungan erat kedua-dua negara.

"Sejak ayah kepada Najib datang ke Korea Selatan, hu-



NAJIB melihat model laluan jalan raya dan saliran dalam lawatan di Cheonggyecheon, semalam. Turut sama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor.

ubungan kita terus erat dan saya secara jujur berharap hubungan itu dapat diperkuatkan melalui banyak lagi kerjasama dalam semua bidang bagi kepentingan bersama," katanya.

Lee menyifatkan gelaran Bapa Pembangunan Malaysia yang diberikan kepada Razak sebagai tepat sekali.

Najib pada majlis sama menghargai jemputan dan layanan yang diberikan oleh

Lee kepada beliau dan rombongan Malaysia.

Sehubungan itu, katanya, Korea Selatan boleh menjadikan Malaysia sebagai rakan strategik negara itu di Asia Tenggara.